PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 14, 17 & 18
WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA
93502 KUCHING
SARAWAK.

Telefon Am : 082-441957
Kawat : FINANCIAL KUCHING
Teleks : STAFIN MA70023
Fax : 082-311296
082-442355
082-449948

**SEGERA/URGENT**

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : SFS/00021/2 SFS-Circulars(B) (T-2) ( 6 )
Tarikh : 04 Disember 2015

Kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen

**Tuan/Puan,**

## SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK No. 9/2015

## PENUTUPAN AKAUN AWAM NEGERI 2015 : PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2015

### TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk mengingatkan semua Pegawai Pengawal, Pemegang Waran dan mana-mana pegawai yang terlibat dengan penyelenggaraan akaun jabatan mengenai permohonan untuk peruntukan tambahan bagi tahun kewangan 2015 selaras dengan penutupan akaun awam negeri tahun 2015.

### LATARBELAKANG

Pekeliling ini adalah lanjutan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan **No. PP:2/2015 bertarikh 23 November 2015** yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri berhubung Penutupan Akaun Awam Negeri Sarawak Tahun Kewangan 2015.

2. Berkaitan dengan penutupan akaun tahun 2015, pihak tuan adalah diingatkan bahawa selepas **28 Disember 2015 (Isnin), perbelanjaan yang dicaj ke tahun kewangan 2015 akan diproses di bawah Akaun Kena Bayar tahun 2015.**

**TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL**

3. Oleh yang demikian, pihak tuan adalah diminta untuk memastikan semua akaun di bawah kawalan tuan adalah teratur dan dikemaskini. Untuk perbelanjaan bagi tahun 2015, selaras dengan **Arahan Perbendaharaan 54**, pihak tuan hendaklah memastikan tidak ada perbelanjaan yang melebihi peruntukan. Pihak tuan juga diingatkan mengenai perkara-perkara berikut :

a) Segala perbelanjaan dan komitmen yang dibuat pada tahun 2015 hendaklah dibayar menggunakan peruntukan yang diluluskan pada tahun 2015.

b) Perbelanjaan hendaklah tidak melebihi peruntukan yang diluluskan termasuk peruntukan tambahan yang diluluskan iaitu melalui viremen dan/atau peruntukan tambahan (*supplementary*).

4. Jika virement atau peruntukan tambahan masih diperlukan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, semua "*hard copy*" permohonan untuk peruntukan tambahan hendaklah sampai ke Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri **sebelum atau pada 18 Disember 2015 (Jumaat) sebelum jam 11.45 pagi**. Permohonan tambahan sama ada melalui viremen atau "*supplementary*" hendaklah mengambil kira semua komitmen dan tuntutan yang telah dibuat dan akan dibuat sehingga 31 Disember 2015.

5. **Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri No.8/2012: Pematuhan Arahan Perbendaharaan dan Proses Pembayaran Yang Cekap dan Berkesan** bertarikh 20 Disember 2012 seperti dilampirkan adalah berkaitan.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**

***"AN HONOUR TO SERVE"***

*Yang benar,*

**( DATO SRI AHMAD TARMIZI BIN HAJI SULAIMAN )**
Setiausaha Kewangan Negeri,
SARAWAK

**Senarai agihan:-**

1. Setiausaha Kerajaan Negeri
   (U.P: Pengarah, Unit Pentadbiran)
2. YA Peguam Besar Negeri
3. Setiausaha Sulit kepada T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Sarawak
4. Setiausaha, Dewan Undangan Negeri
5. Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
6. Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Syariah
7. Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan
8. Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Sosial
9. Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Luar Bandar
10. Setiausaha Tetap, Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar
11. Setiausaha Tetap, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti
12. Setiausaha Tetap, Kementerian Pelancongan
13. Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Perindustrian
14. Setiausaha Tetap, Kementerian Perumahan
15. Setiausaha Tetap, Kementerian Pemodenan Pertanian
16. Setiausaha Tetap, Kementerian Kemajuan Tanah
17. Setiausaha Tetap, Kementerian Kemudahan Awam
18. Setiausaha Tetap, Kementerian Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga
19. Akauntan Negeri Sarawak
20. Pengarah, Unit Perancang Negeri
21. Pengarah, Jabatan Agama Islam
22. Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak
23. Pengarah, Jabatan Kerja Raya
24. Pengarah, Jabatan Hutan
25. Pengarah, Jabatan Tanah dan Survei
26. Pengarah, Jabatan Pertanian
27. Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran
28. Pengarah, Jabatan Muzium
29. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan
30. Mufti, Jabatan Mufti Negeri Sarawak
31. Pengarah, Jabatan Wanita dan Keluarga
32. Residen Bahagian Kuching
33. Residen Bahagian Sri Aman
34. Residen Bahagian Sibu

35. Residen Bahagian Miri
36. Residen Bahagian Limbang
37. Residen Bahagian Sarikei
38. Residen Bahagian Kapit
39. Residen Bahagian Bintulu
40. Residen Bahagian Samarahan
41. Residen Bahagian Mukah
42. Residen Bahagian Betong
43. Residen, Bahagian Serian
44. D/FA